

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA TANGANI ISU EKONOMI BAYANGAN

Demi memastikan masa hadapan dan kemakmuran negara terus terjamin, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau HASiL menggalakkan pematuhan cukai dalam kalangan masyarakat melalui pematuhan undang-undang percukaian. Menerusi Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2022, sebanyak 35.7% hasil kerajaan datangnya daripada cukai langsung yang dikutip oleh HASiL. Kutipan ini telah digunakan oleh kerajaan untuk pembangunan negara dan perkhidmatan kepada masyarakat, antaranya termasuklah penjagaan kesihatan, pendidikan dan membantu golongan yang memerlukan.

Dalam mengharungi keadaan ekonomi yang mencabar pada masa ini, kerajaan sentiasa berusaha memperluas asas percukaian negara dengan memerangi aktiviti ekonomi bayangan yang dilihat mampu memberikan impak yang negatif kepada masyarakat dan negara.

Aktiviti ekonomi bayangan merangkumi segala aktiviti ekonomi yang tidak sah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun, ekonomi yang sah di sisi undang-undang juga boleh dikategorikan sebagai ekonomi bayangan sekiranya tidak melaporkan pendapatan yang diperoleh. Sindiket jenayah dan amalan rasuh juga merupakan satu daripada aktiviti yang dikaitkan dengan ekonomi bayangan.

Impak Negatif kepada Masyarakat

Pendapatan yang tidak dilaporkan boleh menyebabkan kehilangan besar kepada hasil pendapatan negara. Hal ini secara tidak langsung akan menjelaskan pembangunan dan kemakmuran negara. Tanpa disedari, pekerja yang terlibat juga boleh dieksplotasi apabila hak untuk menikmati manfaat sebagai pekerja di bawah definisi undang-undang buruh di Malaysia turut dinafikan, antaranya termasuklah masalah gaji, faedah keselamatan dan kesihatan.

Aktiviti yang dijalankan oleh ekonomi bayangan turut mewujudkan persaingan yang tidak sihat. Bayangkan betapa beruntungnya perniagaan yang dijalankan oleh warga asing dengan menggunakan lesen yang diperoleh daripada warga tempatan. Pendapatan atau keuntungan hasil daripada perniagaan tersebut tidak dilaporkan kepada HASiL tidak seperti yang dilakukan oleh perniagaan lain yang berlandaskan undang-undang. Impak yang ditakuti akibat ekonomi bayangan ini adalah apabila melibatkan keselamatan dan kesihatan pengguna seperti terdedah kepada produk yang tidak bermutu dan di luar kawalan penguat kuasa yang terlibat.

Aktiviti ekonomi bayangan memberikan kesan yang besar terhadap jurang cukai apabila hasil negara tidak dapat dikutip secara optimum dan mengakibatkan kerajaan tiada dana yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan negara. Kerajaan menganggarkan saiz ekonomi bayangan di Malaysia sekitar 21% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Peratusan ini menunjukkan begitu banyak kerugian yang dialami oleh negara akibat kehilangan hasil cukai tersebut.

Sekiranya isu ini tidak ditangani dengan segera, bukan sahaja menyebabkan kehilangan pendapatan yang besar kepada negara, bahkan secara tidak langsung mencerminkan ketidakcekapan agensi dan jentera penguatkuasaan kerajaan dalam membendung isu berkaitan dengan aktiviti ekonomi bayangan ini.

HASiL Tangani Ekonomi Bayangan

HASiL sentiasa proaktif menangani isu ini bagi meningkatkan kadar pematuhan percukaian dan menambah kutipan hasil negara. Beberapa usaha telah diambil oleh HASiL bagi menangani isu ini, antaranya termasuklah menujuhkan Jawatankuasa Pemandu shadow economy bagi menjalankan aktiviti pengesanan, pemantauan dan penguatkuasaan selain merangka strategi berfokus dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian negara.

Selain itu, penggunaan Data Raya (Big Data) bersumberkan data dalaman dan luaran bagi meningkatkan kadar pematuhan dalam kalangan pembayar cukai, serta mereka yang tiada dalam jaringan cukai HASiL juga merupakan satu daripada strategi yang dilaksanakan oleh HASiL. Selain itu, HASiL turut mengendalikan kes aktiviti haram seperti perjudian, penyeludupan dan pengubahan wang haram.

Pertukaran maklumat secara automatik bagi tujuan membanteras pengelakan cukai pada peringkat antarabangsa menerusi Automatic Exchange of Information (AEoI) merupakan satu daripada pentadbir cukai luar negara yang turut dimanfaatkan oleh HASiL bagi menangani isu ekonomi bayangan selain memantau perniagaan berdasarkan tunai seperti restoran, pasar malam dan trak makanan (food truck) yang melibatkan warga tempatan dan warga asing.

Kerjasama daripada semua pihak amat diperlukan untuk membanteras aktiviti ekonomi bayangan ini. Orang awam bolehlah membuat Aduan Pelarian Cukai menerusi surat yang dihantar ke Jabatan Perisikan dan Profiling (JPDP) atau melalui e-mel kepada pelariancukai@hasil.gov.my. Aduan juga boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-8913 3990 atau 03-8913 3800 atapun hadir sendiri ke pejabat HASiL. Laksanakan tanggungjawab anda sebagai rakyat yang prihatin. Bantulah negara membanteras pengelak cukai pendapatan. ☺

EKONOMI BAYANGAN:
EKONOMI BAWAH TANAH / TIDAK MEMATUHI PERUNDANGAN / TERSEMBOUNYI

KATEGORI:

- BERDAFTAR, TETAPI TIDAK MEMATUHI PERUNDANGAN PERCUKAIAN
- TIDAK BERDAFTAR DAN TERLIBAT DALAM AKTIVITI JENAYAH

IMPAK NEGATIF KEPADA NEGARA

- MENINGKATKAN KOS KERJAAN DAN PERNIAGAAN LAIN
- PENIPUAN: MENYEBABKAN EKSPLORASI PEKERJA
- PERSARINGAN TIDAK SIHAT: MENJEJASKAN PERNIAGAAN JUJUR
- TRANSAKSI TIDAK SELAMAT: RISIKO KEPADA PENGGUNA DAN PERNIAGAAN
- SIKAP PEMBAYAR CUKAI: MENJEJASKAN KREDIBILITI NORMA SOSIAL DAN SISTEM PERCUKAIAN DALAM MENDOKONG PEMATUHAN CUKAI SECARA SUKARELA
- PERUNDANGAN: SETIAP TRANSAKSI DIANGGAP MENYOKONG AKTIVITI HARAM SECARA BERLELUSA

Sumber: Poster LHDNM



Sumber: Poster LHDNM

KUIZ

TEMA – EKONOMI BAYANGAN

1.

Aduan _____ boleh dikemukakan kepada Jabatan Perisikan dan Profiling, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

2.

Ekonomi bayangan juga dikenali sebagai _____.

3.

Pelarian cukai menyebabkan _____ cukai.

4.

_____ dan rasuah antara aktiviti yang dikaitkan dengan ekonomi bayangan.

5.

Aktiviti pengesanan, pemantauan dan _____ dilaksanakan bagi menangani ekonomi bayangan.

6.

K	A	H	I	P

S	E	K	A	R	U	B	A

P	E	M	T	A	T	N	A

Perniagaan yang sah di sisi undang-undang antaranya ialah syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan memperolehi lesen daripada _____.

7.

M	A	R	E	N	G	D	E	P	N	A	G	A

S	A	M	U	N	U	N	A	I

Aktiviti _____ ialah contoh aktiviti yang tidak sah di sisi undang-undang.

8.

N	E	T	A	P	H	U	A	M

I	C	K	A	U

Kerajaan menggalakkan _____ dalam kalangan pembayar cukai di Malaysia bagi memastikan hasil cukai dapat dikutip untuk pembangunan negara.

9.

N	A	P	D	E	P	A	N	A

D	A	T	I	K

P	I	K	L	O	D	A	R	N	A

Aktiviti yang sah di sisi undang-undang juga boleh dikategorikan sebagai ekonomi bayangan sekiranya _____.

10.

R	A	T	I	S	E	K	I	N

K	I	U	C	A

_____ menyebabkan kehilangan hasil negara.

PERATURAN

1. Semua pembaca Dewan Siswa yang berumur antara 13 hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak dilayan.
3. Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **30 Jun 2023**. Jawapan yang diterima lebih awal dan betul semula jawapannya akan diberikan keutamaan.
4. Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama	:	No. Kad Pengenalan	:
Alamat Rumah	:	No. Telefon	:
	Nama Bank	:
	No. Akaun Bank	:	(Akaun bank milik peserta)
Nama Sekolah/Institut	:	E-mel	:

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor Dewan Siswa, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur
atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my



Jawapan Kuiz

Tema: Pengenaan Cukai Pendapatan

1. TARAF MASTAUTIN
2. CUKAI MUKTAMAD
3. MILIKAN TUNGGAL
4. EKONOMI DIGITAL
5. SISTEM TAKSIR SENDIRI
6. INDIVIDU PEMASTAUTIN
7. PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR
8. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
9. SISTEM MYTAX
10. NOTIS ANSURAN